



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS KOS BAHAN BINAAN
MEI 2023**

**Indeks harga keratan keluli & logam dan besi mencatatkan penurunan
0.2 peratus dan 0.1 peratus pada Mei 2023**

PUTRAJAYA, 9 Jun 2023 – Pada hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR MEI 2023**. Penerbitan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Binaan (IKB) tanpa bar keluli dan termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan bahawa perbandingan bulan ke bulan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih menunjukkan penurunan indeks harga seunit bagi bahan binaan seperti besi, papan lapis dan keratan keluli & logam bagi semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Manakala bahan binaan lain seperti simen, pasir dan batu bata & dinding pula mencatatkan peningkatan harga.

Jabatan Perangkaan Malaysia turut menyatakan bahawa indeks harga seunit keratan keluli & logam dan besi mencatatkan penurunan masing-masing 0.2 peratus dan 0.1 peratus. Penurunan indeks harga besi adalah seiring dengan penurunan harga besi utama di peringkat global.

Menurut laporan *Commodity Market Outlook* oleh *World Bank*, April 2023, harga bijih besi meningkat 27.0 peratus pada suku pertama 2023 berbanding suku tahun keempat 2022. Laporan tersebut turut menyatakan bahawa secara keseluruhannya harga bijih besi pada

tahun 2023 diramalkan lima peratus lebih rendah berbanding 2022 dan dijangka akan turun sebanyak empat peratus lagi pada 2024. Manakala permintaan kekal kukuh pada suku kedua tahun ini apabila pengeluaran keluli dijangka memuncak, namun dijangka akan menurun pada separuh masa kedua tahun ini.

Selain daripada itu, simen yang merupakan salah satu elemen penting dalam industri pembinaan, terus mencatatkan kenaikan harga. Indeks harga seunit simen telah meningkat 1.3 peratus pada Mei 2023 berbanding 0.3 peratus (April 2023). Antara penyumbang kepada kenaikan harga bagi pasaran simen adalah peningkatan kos pengeluaran yang masih berterusan seperti peningkatan harga bahan mentah iaitu batu kapur, arang batu (yang digunakan dalam proses pembakaran), tenaga dan kos penghantaran. Menurut laporan daripada *Commodity Market* oleh *World Bank*, harga tenaga meningkat 5.7 peratus pada April 2023, diterajui oleh minyak mentah (7.8%) dan arang batu (3.8%).

Perbandingan tahun ke tahun bagi indeks harga seunit bahan binaan pula mencatatkan peningkatan di antara 2.1 peratus dan 8.4 peratus, bagi hampir kesemua bahan binaan kecuali bagi keratan keluli & logam, besi dan papan lapis. Peningkatan tertinggi dalam indeks adalah bagi batu bata dan dinding, yang mencatatkan peningkatan sebanyak 8.4 peratus, diikuti oleh simen (7.8 peratus) dan bahan siling (7.4 peratus) pada Mei 2023 berbanding bulan yang sama pada tahun lalu. Manakala, indeks harga bagi seunit besi dan keratan keluli & logam mencatatkan penurunan masing-masing 3.6 peratus dan 1.5 peratus bagi Mei 2023 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Jabatan Perangkaan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* adalah RM3,708.72 bagi setiap tan metrik dengan penurunan 0.3 peratus berbanding bulan sebelumnya (April 2023: RM3,721.72 per tan metrik). Manakala, purata harga simen (*Ordinary Portland*) pula mencatatkan peningkatan iaitu 1.4 peratus dengan purata harga RM22.81 per 50 kg berbanding RM22.50 (April 2023).

Selain itu, IKB (tanpa bar keluli dan termasuk bar keluli) bagi semua kawasan di Semenanjung Malaysia merekodkan peningkatan di antara 0.4 dan 1.8 peratus pada Mei 2023 berbanding pada bulan sebelumnya.

Peningkatan indeks yang tertinggi adalah Cerucuk (Konkrit Tetulang) di Johor dan Kelantan & Terengganu. Namun begitu, terdapat juga indeks bangunan yang kekal tidak berubah seperti Cerucuk Kayu.

Indeks Kos Binaan (termasuk bar keluli) bagi Sabah menunjukkan peningkatan yang perlahan bagi hampir keseluruhan kategori bangunan iaitu di antara 0.5 dan 1.1 peratus pada Mei 2023 berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan indeks yang tertinggi adalah Cerucuk (Konkrit Tetulang) di Kota Kinabalu (1.1%), dan diikuti oleh Bangunan (Konkrit Tetulang) Satu Tingkat di Sandakan.

Manakala perbandingan bulan ke bulan bagi IKB (termasuk bar keluli) di Sarawak pada Mei 2023 menunjukkan penurunan di antara 0.1 dan 0.2 peratus bagi hampir semua kategori bangunan terutamanya di Kuching dan Sibu. Manakala, kebanyakan kategori bangunan di Miri pula mencatatkan tiada perubahan pada indeks.

Perbandingan secara tahunan menunjukkan peningkatan IKB dengan bar keluli bagi semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kategori bangunan yang merekodkan peningkatan tertinggi di Semenanjung Malaysia dan Sabah adalah Cerucuk (Konkrit Tetulang). Manakala di Sarawak pula adalah kategori Bangunan Kayu yang mencatatkan rekod tertinggi.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.


DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Mei 2022 – Mei 2023



Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 9 Jun 2023

Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Mei 2022 – Mei 2023



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

9 JUN 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA
MAY 2023

The price index of steel & metal sections and steel recorded a decrease of 0.2 per cent and 0.1 per cent in May 2023

PUTRAJAYA, June 9, 2023 – The Department of Statistics Malaysia published ***BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, MAY 2023***, today. This release presents the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) without steel bars and with steel bars by building category and region.

In a statement today, the Department of Statistics Malaysia said that a month-on-month comparison of construction materials and selected areas showed a decrease in the unit price index for selected materials such as steel, plywood and steel & metal sections for in all areas of Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak. Meanwhile, other building materials such as cement, sand and bricks & walls recorded increases in price.

The Department of Statistics Malaysia also stated that the unit price index of steel & metal sections and steel decreased by 0.2 and 0.1 per cent, respectively. The decline in the index of steel was in tandem with the decrease of steel prices at the global level.

According to Commodity Market Outlook report by the World Bank, April 2023, iron ore prices rebounded by 27.0 per cent in the first quarter of 2023 as compared to the fourth quarter of 2022. The report also stated for 2023 as a whole, iron ore prices are forecasted to be five per cent lower than in 2022 and expected to fall by a further four per cent in 2024. Meanwhile, the demand remained strong in the second quarter of

this year when steel production is expected to peak and later to decline in the second half of this year.

Nevertheless, cement as one of the most important components in the construction industry, continued to record price increase. The unit price index of cement has increased by 1.3 per cent in May 2023, as compared to 0.3 per cent (April 2023). Among the factors contributing to the price increase were the rise in production costs, including the price of raw materials such as limestone, coal (which is used in burning process), energy and shipping costs. According to the report from Commodity Markets by World Bank, energy prices increased 5.7 per cent in April 2023, led by crude oil (7.8%) and coal (3.8%).

A year-on-year comparison of the unit price index of construction materials recorded an increase between 2.1 per cent and 8.4 per cent, for almost all construction materials except for steel & metal sections, steel and plywood. The highest increase in index was observed in bricks and walls, which recorded an increase of 8.4 per cent, followed by cement (7.8 per cent) and ceiling materials (7.4 per cent) in May 2023 as compared to the same month last year. In contrast, the price index for a unit of steel, and steel & metal sections recorded a decrease of 3.6 per cent and 1.5 per cent respectively in May 2023, as compared to the same month in the previous year.

The Department of Statistics Malaysia explained that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars was RM3,708.72 per metric tonne, recording a 0.3 per cent decrease as compared to the previous month (April 2023: RM3,721.72 per metric tonne). Meanwhile, the average price of cement (Ordinary Portland) increased by 1.4 per cent to RM22.81 per 50 kg as compared to RM22.50 (April 2023).

Meanwhile, the BCI (without steel bars and including steel bars) for all building categories in Peninsular Malaysia in May 2023 increased between 0.4 and 1.8 per cent as compared to the previous month. The highest increase was recorded for Piling (Reinforced Concrete) in Johor and Kelantan & Terengganu. However, there are also index of building that remained unchanged, such as Timber Piling.

The BCI (with steel bars) for Sabah recorded a slower increase for almost all construction categories between 0.5 and 1.1 per cent in May 2023 as compared to the previous month. The highest increase of the index was Reinforced Concrete Piling in Kota Kinabalu (1.1%), and followed by Single-Storey (Reinforced Concrete) Building in Sandakan.

Meanwhile, month-on-month comparison of BCI (with steel bars) in Sarawak for May 2023 showed a decrease of between 0.1 and 0.2 per cent for almost all building especially in Kuching and Sibu. However, most building categories in Miri recorded no change in the index.

On an annual basis, the BCI with steel bars has recorded increases for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The building category that recorded the highest increase in Peninsular Malaysia and Sabah was Reinforced Concrete Piling. Meanwhile in Sarawak, Timber Building category recorded the highest.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.


DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Friday, June 9, 2023**

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.


DOSM will release Preliminary GDP Estimates commencing the second quarter of 2023. This preliminary estimate is an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks in advance before the Quarterly GDP is released.

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, May 2022 – May 2023



Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Friday, June 9, 2023**

Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, May 2022 – May 2023



Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

9 JUNE 2023